



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 30 MEI 2024 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MPKj	• NILAI POKOK BERISIKO DEMI KESELAMATAN • PASUKAN KHAS PERANGI KES DENGGI • SITA 46 LORI BUANG SAMPAH HARAM • KERAP SENGGARA SALIRAN, ELAK BAH
2.	THE STAR	MBPJ MPAJ DBKL	• COUNCIL MATTERS • COUNCIL MATTERS • TRANSPORT SURVEY • TWO DEPARTMENT TO HANDLE FALLEN TREES IN CITY

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• SALUR RM1 JUTA BANTU ASNAF • 3 JUTA PENCARUM MOHON PINDAH WANG • BUKAN RUNDINGAN TERUS, IKUT PROSEDUR • PERLUAS VAN TRANSIT KE SELURUH NEGERI
2.	THE STAR	• CYBER SECURITY ANNOUNCEMENTS TO SUPPORT AI FRAMEWORK
3.	SINAR HARIAN	• TAWAR GAJI LEBIH TINGGI
4.	BERITA HARIAN	• DASAR GAJI PROGRESIF TINGKAT KEMAHIRAN PEKERJA • PENALTI RM500,000 JIKA MAJIKAN ABAI KESELAMATAN PEKERJA • PERSATUAN PENTERNAK GESA SEMAK MEKANISME SUBSIDI DIESEL BERSASAR
5.	UTUSAN MALAYSIA	• KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM LONJAKKAN EKONOMI • TERPAKSA KERJA 74 TAHUN LENGKAPKAN SIMPANAN ASAS KWSP • RINGGIT DIJANGKA MENGUKUH SEKITAR RM4.60 HINGGA RM4.68 MINGGU INI

Nilai pokok berisiko demi keselamatan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam proses membuat penilaian pokok berisiko di sepanjang Jalan Protokol di Pusat Bandar 52 dan Jalan Selangor.

Ahli parlimen Petaling Jaya berkata langkah berkenaan selepas beliau mencadangkan supaya melantik 'Doktor Pokok' atau arboris untuk memeriksa semua pokok lama di kawasan itu.

"Pemeriksaan secara awal adalah kri-



tikal supaya nyawa dan harta rakyat terjaga sebelum terlewat," kata Lee Chean Chung menerusi Facebook pada 25 Mei.

Sebelum itu, beliau meninjau bumbung Pangsapuri Taman Perangsang yang diterbang ribut bersama Penyelaras Dewan Undangan Negeri Taman Medan Halimey Abu Bakar dan Ahli Majlis Nora Mansor.

Pada 13 Mei, Chean Chung mengaesa MBPJ melantik arboris bertaulah

untuk memeriksa secara menyeluruh pokok tua dan berisiko tinggi untuk tumbang.

Katanya, arboris yang dilantik perlu melakukan pemeriksaan khususnya di kawasan berpenduduk padat dan di sepanjang jalan utama dalam kadar segera.

Pada 7 Mei, sebatang pokok tumbang di atas kenderaan di hadapan Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur akibat ribut menyebabkan seorang lelaki maut manakala seorang lagi cedera.

Pasukan khas perangi kes denggi

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menubuhkan pasukan khas bagi memerangi denggi susulan peningkatan kes di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon berkata tujuh lokasi dikenal pasti memerlukan pemantauan manakala pengajuran gotong-royong dan memusnah tempat pembiakan nyamuk giat dijayakan.

"Tumpuan juga diberi kepada kawasan berisiko menjadi tempat takungan aedes seperti kebun komuniti yang tidak berdaftar, longkang tersumbat dan longgokan sampah," katanya pada 22 Mei.

Beliau juga mengingatkan pemilik premis yang mereka boleh dikenakan tindakan bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) jika ada pembiakan aedes.

Sementara itu, lebih 82 peratus projek yang dijayakan MBPJ antara 1 Februari hingga 10 Mei.

Mohamad Zahri berkata sebanyak 31 projek siap antaranya Sistem Smart Billboard, Pelancaran Program Jalinan Kasih 3R PJKita, Pelan Tindakan Inovasi MBPJ serta Recycle and Redeem Caj Beg Plastik MBPJ.

Sita 46 lori buang sampah haram

HULU LANGAT - Sebanyak 46 lori sampah disita kerana membuang sisa di tapak pelupusan haram, kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Nazli Md Taib.

Beliau menjelaskan rampasan semua lori tersebut dijalankan penguat kuasa antara Januari hingga Mei pada tahun ini membabitkan anggaran keseluruhan RM253,000.

"Tindakan tersebut dibuat dalam operasi tapak pelupusan sampah haram yang dilaksanakan sejak Januari hingga Mei tahun ini," katanya lagi pada 24 Mei.

Nazli menambah kompaun juga dikeluarkan mengikut Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MPKj 2007 selain akan mengadakan pemantauan berkala bagi membanteras kegiatan itu.

Kerap senggara saliran, elak bah

HULU LANGAT - Kerja penyelenggaraan longkang dan saliran sekitar Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dilakukan lebih kerap bagi mengelak banjir kilat berulang.

Dalam mesyuarat bulanan di sini pada 24 Mei, Yang Dipertuanya Nazli Md Taib memberitahu Skuad Pantas MPKj dikerah untuk memantau dan sedia turun padang jika berlaku sebarang bencana.

"Taburan hujan sukar dijangka ketika ini, longkang dan sungai tidak mampu menampung air. MPKj akan pastikan semua saliran parit dan longkang sentiasa dibersihkan dan diselenggara dengan baik.

"MPKj juga meningkatkan kerjasama dengan agensi berkaitan antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat, Jabatan Kerja Raya dan KDEB Waste Management," katanya lagi.

Salur RM1 juta bantu asnaf

SHAH ALAM - Hampir RM1 juta disalur Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bagi membantu asnaf menerusi zakat wakalah, kata ketua tanggungjawab sosial dan komunikasi korporatnya.

Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu MBI sentiasa cakna bagi membantu empat kategori asnaf iaitu fakir, miskin, ghari-min dan fisabilillah selain berharap ia dapat meringankan beban penerima.

"Pemberian zakat wakalah tidak terhad kepada golongan asnaf sahaja tetapi ia juga diagihkan kepada sekolah agama, masjid dan surau yang memerlukan bantuan," katanya pada 22 Mei.

3 juta pencarum mohon pindah wang

SHAH ALAM - Sebanyak 2.86 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memohon pindahan amaun keseluruhan RM9.78 bilion daripada akaun sejahtera ke akaun fleksibel.

Ketua Pegawai Operasinya Sazaliza Zainuddin memberitahu jumlah tersebut dijangka terus bertambah berikutan tarikh tutup permohonan hanya pada 31 Ogos 2024, lapor Bernama.

Menasihati pencarum supaya tidak tergesa-gesa membuat pemindahan, beliau gembira berikutan bilangan permohonan menggunakan aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun meningkat ketara.

Mulai 12 Mei, ahli diberi pilihan untuk memindah sepertiga baki simpanan daripada akaun sejahtera ke akaun fleksibel, tertakluk kepada baki dalam akaun sejahtera ketika memohon.

Bukan rundingan terus, ikut prosedur

SHAH ALAM - Pelantikan dua syarikat pengendali perkhidmatan projek rintis van transit atas permintaan (DRT) di Selangor bukan secara rundingan terus, tegas EXCO Mobiliti Ng Sze Han.

Dalam kenyataan pada 29 Mei, beliau memberitahu Asia Mobility Sdn Bhd dan Badan Bas Coach Sdn Bhd dilibatkan dalam proses pembuktian konsep DRT untuk permohonan cadangan (RfP).

Katanya, dua syarikat itu dilibatkan ekoran hanya mereka memiliki lesen Agensi Pengangkutan Awam (Apad) yang mematuhi piawaian termasuk had usia kenderaan tidak lebih 10 tahun.

"Lesen pembuktian konsep yang diberi oleh Apad kepada kedua-dua syarikat ini hanya sah hingga 31 Ogos 2024, bukannya untuk tempoh berpuluh tahun dan bukan diperbaharui secara automatik.

"Itu menjadi asas kepada keputusan Jawatankuasa Kerajaan Negeri yang menetapkan tempoh pembuktian konsep hanya sembilan bulan, dari November 2023 dan tamat Julai 2024," katanya.

Inisiatif dicontohi agensi lain

Perluas van transit ke seluruh negeri

Oleh AFEEQA AFEERA ABDUL RASOL

SHAH ALAM - Selangor negeri pertama memperkenalkan van transit atas permintaan (DRT) bagi menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam sebelum diperluas agensi lain di Malaysia.

Menerima sambutan baik, projek itu menurut EXCO Mobiliti Ng Sze Han akan ditingkat ke seluruh negeri selaras manifesto negeri Lima Tekad Lima Tahun yang dilancarkan pada Julai 2023.

"Dengan keberkesanan projek rintis

ini, Selangor berhasrat memperluas perkhidmatan DRT ke seluruh Selangor selaras komitmen Lima Tekad Lima Tahun yang dilancarkan pada Julai 2023.

"Sekiranya berkemampuan, negeri juga berhasrat mengoptimumkan kos perbelanjaan tahunan sedia ada," katanya dalam kenyataan pada 24 Mei.

Selain kos pemasaran dan pemantauan, Sze Han berkata peruntukan disalurkan turut digunakan untuk menampung sebahagian tambang dengan kadar tetap RM2 bagi setiap perjalanan.

Katanya, empat van beroperasi di la-

pan zon dalam tempoh percubaan fasa pertama meliputi laluan Ampang, Hulu Kelang, Puchong dan UPM-Serdang dikendalikan Asia Mobility Technologies Sdn Bhd.

Sze Han berkata pelantikan dua syarikat pengendali Asia Mobility Technologies Sdn Bhd dan Badan Bas Coach Sdn Bhd diluluskan Agensi Pengangkutan Awam Darat (Apad).

Perkhidmatan DRT bawah inisiatif Mobiliti Selangor diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam yang dipandu dengan penganalisaan data serta menyelesaikan isu ketersambungan ke sistem pengangkutan awam utama.



SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 30 MEI 2024

DBKL
8th
3/5

TRANSPORT SURVEY

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is conducting a survey on the free GoKL bus service until tomorrow. To participate, visit forms.gle/6HWt2cb-WnJBLDgNW6

MPAJ
8th
3/5

COUNCIL MATTERS

> Ampang Jaya Municipal Council is holding an ewaste collection competition. Prizes will be awarded to those who collect the most ewaste. To register, visit bit.ly/4bbZk2m, and for details, call 03-4285 7007 or email kas@mpaj.gov.my

MBPJ
8th
2/5

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) is hosting free workshops on digital marketing, videography and cashless financial management until July. For details, visit www.mbpj.gov.my

THE STAR

Tarikh: 30 MAY 2021

Two departments to handle fallen trees in city

DBKL received over 60 complaints after last Saturday's storm

Story and photos by BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) has identified two departments to handle the disposal of trees following the surge in fallen trees across the capital.

Recent thunderstorms have also led to an increase in garden waste in affected neighbourhoods in Kuala Lumpur.

DBKL executive director (Socio-Economic Development) Ismadi Sakirin said two departments would be involved in the disposal of trees that fell in public areas during thunderstorms.

"In the case of an emergency or obstruction where trees have fallen on the roadside, the Landscape Development and Recreation Department will remove them," Ismadi said.

"For trees that have fallen within neighbourhoods, the Health and Environment Department is responsible.

"Both departments will coordinate on this. We received over 60 complaints about fallen trees and broken branches last Saturday alone, so it's going to take some time to clear everything."

Household garden waste, on the other hand, falls under the jurisdiction of Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation (SWCorp).

Federal Territories SWCorp director Ummi Kalthum Shuib reported no increase in garden waste this month, with the exceptions of areas like Bangsar Baru, Bukit Damansara, Bukit Tunku and Taman U Thant.

"Garden waste includes organic material from gardening and landscaping activities such as tree branches, twigs, fallen leaves, weeds and flowers.

"It generally excludes large tree branches. DBKL handles



(Above) DBKL advises residents to report fallen trees and branches.

(Right) SWCorp says garden waste is to be tied up and placed next to green bins and should not include large tree branches.

large trees using a wood chipper," she said.

Ummi Kalthum advised residents to follow the standard operating procedure for garden waste disposal.

"Tie everything up properly and place it next to your green bin. Don't dump it elsewhere.

"The schedule for garden waste collection is the same day as bulk and recycling waste. So check your schedule," she added.

In a statement from its corporate communications unit, DBKL said for non-council trees falling inside private home compounds, the responsibility was on the owner to clean up.

Last Saturday, thunderstorms



wreaked havoc across the city, resulting in fallen trees in a large number of places.

Resident Muniama Raja, who lives in Taman Bukit Indah, Jalan Kelang Lama, said her 20-year-old *Pavalamallit* tree (*Nyctanthes arbor-tristis*), also known as night-blooming jasmine, split in two during the storm.

"I had to hire a gardener to cut the fallen tree branches into

smaller pieces for disposal.

"My neighbours reported trees falling and branches breaking. The area looked like the aftermath of a tornado," Muniama said.

City residents are advised to lodge a report at adukl@dbkl.gov.my to report fallen trees causing obstructions or call 03-20282872 or email callcentre@dbkl.gov.my

THE STAR

Tarikh: 30 MAY 2024

'Cyber security' announcements to support AI framework

PUTRAJAYA: The Investment, Trade and Industry Ministry (MitI) is expecting to make one or two big announcements in the coming days as a result of the recent Cyber Security Bill 2024 that was passed in April.

Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz said the passing of the bill was important to the

industry, as it protects and enhances the nation's cyber security through compliance with specific measures, standards and processes in managing cyber security threats.

"However, I do admit that we are just building the infrastructure on artificial intelligence (AI), so I think we need time to com-

pete with Singapore.

"But it has resulted positively, for example in the case of Microsoft, because that was one of the concerns raised before they (Microsoft) made their investment announcement (US\$2.2bil investment in Malaysia's cloud and AI transformation)," he said at a media briefing here on the

National Semiconductor Strategy yesterday.

Tengku Zafrul said this when asked to comment about a report by East Asia Forum, where AI venture capital investment is largely (about 75%) concentrated in Singapore with (US\$8.4bil) surpassing other big Asean economies. — Bernama

THE STAR

Tarikh: 30 MAY 2024

Tawar gaji lebih tinggi

Bagi tangani isu kurang tenaga mahir tempatan

SHAH ALAM

Syarikat dan pemain industri terutama sektor berteknologi tinggi perlu menawarkan gaji lebih tinggi kepada pekerja mahir bagi menangani beberapa isu yang telah lama wujud seperti kekurangan tenaga tempatan.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong berkata, disebabkan itu, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 penting untuk memastikan hasrat melihat gaji median pembuatan meningkat dua kali ganda daripada RM2,205 sebulan pada tahun 2022 kepada RM4,510 sebulan menjelang 2030.

Dalam mencapai hasrat itu, kerajaan berusaha meningkatkan rantaian nilai dalam aktiviti semikonduktor dan menyasarkan kenaikan gaji kejuruteraan dalam sektor elektrik dan elektronik.

"Kita harus akui bahawa gaji rendah adalah isu sistemik yang menyebabkan pekerjaan mahir tidak mencukupi. Malaysia adalah kes yang jarang berlaku, di mana gaji bulanan median dalam pembuatan (RM2,205) lebih rendah daripada gaji bulanan median (RM2,424).

"Berdasarkan Laporan 2022 oleh Lembaga Jurutera Malaysia mendapati lebih satu pertiga daripada graduan kejuruteraan mempunyai gaji permulaan kurang daripada RM2,000 sebulan setakat 2021, manakala 90 peratus graduan kejuruteraan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Bagi isi rumah dewasa bujang di Kuala Lumpur, ini hampir tidak mencukupi.

"Nisbah jurutera kepada penduduk Malaysia berada pada 1:170 pada akhir



LAPORAN MUKA DEPAN

Pekerja mahir di negara ini perlu diberi gaji yang lebih tinggi bagi menangani isu kekurangan tenaga tempatan.

2022, di bawah sasaran aspirasi 1:100. Mereka yang membuat keputusan untuk meneruskan kerjaya STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) selalunya mengejar bentuk pekerjaan lain untuk menambah pendapatan mereka seperti kerja gig," katanya kepada Sinar Harian.

Ujar beliau, Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan 2030 (NIMP 2030) yang dilancarkan pada 1 September 2023 dijangka meningkatkan pencapaian Malaysia melalui peningkatan nilai tambah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM587.5 bilion dengan Kadar Pertumbuhan Purata Kumulatif (CAGR) 6.5 peratus menjelang 2030.

Malah, NIMP 2030 diyakini me-



CHIN TONG

nyumbang kepada peningkatan 3.3 juta peluang pekerjaan dengan CAGR 2.3 peratus termasuklah peningkatan gaji median sebanyak RM4,510 berbanding RM1,976 pada tahun asas 2021.

Buat masa ini, jelasnya, ramai graduan kejuruteraan Malaysia memilih untuk bekerja di Singapura, dengan pendapatan sekitar S\$2,800 hingga S\$3,400 (RM9,750 hingga RM11,840) sebulan sebagai jurutera peringkat permulaan.

"Situasi itu merugikan negara memandang Malaysia memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan pembuatan cip global, memegang tujuh peratus bahagian pasaran global dan menyumbang kepada 23 peratus dari-

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN 2030 (NIMP 2030)

- Dilancarkan pada 1 September 2023
- Dasar perindustrian komprehensif yang menjurus ke arah memupuk pertumbuhan dan kemajuan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan dan perkilangan Malaysia.
- Peningkatan nilai tambah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM587.5 bilion dengan Kadar Pertumbuhan Purata Kumulatif (CAGR) 6.5 peratus menjelang 2030.
- Menyumbang kepada peningkatan 3.3 juta peluang pekerjaan dengan CAGR 2.3 peratus
- Peningkatan gaji median sebanyak RM4,510 berbanding RM1,976 pada tahun asas 2021.

INFO

- Gaji bulanan median dalam pembuatan (RM2,205), gaji bulanan median (RM2,424)
- Nisbah jurutera kepada penduduk Malaysia, 1:170, sasaran 1:100

pada perdagangan semikonduktor Amerika Syarikat pada 2022.

"Malaysia dikenali dan hebat dalam pemasangan cip, pembungkusan dan ujian serta rancangan untuk mengembangkan kehadirannya dalam aktiviti seperti reka bentuk litar bersepadu dan fabrikasi wafer," katanya.

Tambahnya, industri semikonduktor berada di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab mempromosikan pelaburan.

SINAR HARIAN
Tarikh: 30 MAY 2024

Dasar Gaji Progresif tingkat kemahiran pekerja

Dasar Gaji Progresif yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan bukan sekadar menambah pendapatan rakyat semata-mata, tetapi meningkatkan pergerakan kemahiran dalam pasaran kerja supaya mereka yang dibayar rendah atau tidak bekerja boleh meneroka peluang kemahiran baharu dan naik ke atas.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kertas putih Dasar Gaji Progresif yang dibentangkan di Parlimen tahun lalu adalah salah satu reformasi pasaran buruh yang meningkatkan gaji rakyat secara sistematik.

Katanya, realitinya, rakyat Malaysia, terutama graduan yang baru ingin mula bekerja menghadapi isu penetapan gaji per-

mulaan yang rendah dan hampir dengan kadar gaji minimum.

"Dasar gaji minimum menaikkan gaji pekerja berkemahiran rendah tetapi menyebabkan herotan gaji (wage compression). Akibatnya, jurang gaji antara pekerja berkemahiran rendah dan graduan peringkat permulaan semakin mengecil.

"Gaji pekerja tidak berkemahiran telah naik, manakala gaji pekerja berkemahiran atau para-kemahiran tidak meningkat atau menjadi lebih rendah. Itulah mengapa kita sering kita dengar keluhan anak muda mengenai gaji mereka yang rendah," katanya dalam satu hantaran di laman rasmi X beliau semalam.

Rafizi berkata, Dasar Gaji

Progresif adalah secara sukarela, memberikan majikan ruang untuk bersedia dan menyesuaikan diri dengan peningkatan kos buruh.

"Syarikat yang berdaftar dan layak akan menerima insentif kerajaan untuk membantu menyesuaikan diri dengan kos tambahan. Sebelumnya, inisiatif menaikkan gaji tidak disokong dengan insentif dan ditinggalkan kepada majikan.

"Dasar Gaji Progresif akan memastikan keseimbangan antara kenaikan gaji pekerja dan produktiviti untuk kesaksamaan. Dasar Gaji Progresif akan mendorong majikan menyediakan latihan dan melabur dalam teknologi untuk meningkatkan

kemahiran dan produktiviti pekerja," katanya.

Bellau menambah bahawa negara memerlukan anjakan besar untuk meningkatkan gaji pekerja selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI.

"Ini bertujuan mengangkat martabat negara dan memastikan pendapatan dinikmati rakyat. Dasar Gaji Progresif, satu inisiatif serampang pelbagai mata, akan melengkapi dasar sedia ada seperti Dasar Gaji Minimum.

"Kepada majikan dan syarikat yang berminat untuk sertai, maklumat lanjut mengenai Dasar Gaji Progresif boleh dilayari di laman web <https://gajiprogresif.gov.my/>," katanya.

Dasar Gaji Progresif yang me-

nyasarkan peningkatan gaji dan pengagihan pendapatan lebih seimbang akan mula dilaksanakan sebagai projek rintis bulan depan, dengan pembabitkan 1,000 syarikat meliputi lima sektor dikenal pasti.

Lima sektor itu membabitkan pembuatan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, pembalakan kenderaan bermotor dan motosikal, maklumat dan komunikasi, serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal.

Pihak majikan yang terbabit dengan Dasar Gaji Progresif boleh menuntut insentif tunai daripada kerajaan sekiranya memenuhi syarat kelayakan dengan pekerja bergaji antara RM1,500 dan RM4,999.

BERITA HARIAN
Tarikh... 30 MAY 2024



Budaya kerja selamat dan sihat akan mendokong usaha dilaksanakan kerajaan dalam semua sektor industri. (Foto hiasan)

Penalti RM500,000 jika majikan abai keselamatan pekerja

Pewartaan pindaan selari komitmen kerajaan pastikan persekitaran kerja selamat, kondusif

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Bermula Sabtu ini, pihak yang melanggar Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 serta Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 bakal berdepan penalti maksimum RM500,000.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berkata, peningkatan penalti maksimum berbanding RM50,000 sebelum ini, susulan pewartaan pindaan akta terbabit pada 16 Mac lalu.

"Pewartaan Akta ini selari dengan komitmen kerajaan untuk memastikan semua pekerja di negara ini dapat bekerja dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat, kondusif dan produktif."

"Antara perubahan ketara dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 adalah peningkatan penalti (deterrent effect) yang berjumlah 10 kali ganda daripada yang sedia ada, iaitu maksimum penalti dinaikkan daripada RM50,000 ke-

pada RM500,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, peningkatan kadar penalti untuk setiap pelanggaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, secara tidak langsung memastikan isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja diberi perhatian.

Malah, ia menjadikan tempat kerja adalah bebas daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan.

"KESUMA melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa menekankan pentingnya penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta perlunya penyesuaian terhadap cabaran baharu dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bagi memastikan tempat kerja adalah selamat, sihat, kondusif dan sejahtera," katanya.

KESUMA anjur seminar

Terdahulu, KESUMA menganjurkan Seminar Hebahan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 dan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 Peringkat Zon Tengah yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Seminar itu bertujuan memastikan pihak berkepentingan, iaitu pengamal KKP, persatuan KKP, majikan dan juga pekerja dapat memahami dengan lebih mendalam perubahan yang dibuat da-

lam akta berkenaan.

Selain itu, seminar berkenaan bertujuan memastikan pihak berkepentingan mengaplikasikan pengetahuan terbabit untuk memperkuatkan pematuhan serta meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di seluruh sektor industri.

Pada April lalu, Menteri KESUMA, Steven Sim, dilaporkan berkata beliau sudah menandatangani warta untuk mempercepatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan akta berkenaan yang tertangguh hampir dua tahun di mana antara lain mewajibkan majikan menganalisis risiko di tempat kerja dan melantik penyelar keselamatan kesihatan bagi syarikat yang mempunyai lima pekerja dan ke atas.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata budaya kerja selamat dan sihat akan mendokong usaha yang dilaksanakan kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara, seterusnya membantu mengurangkan kadar kecederaan pekerjaan serta meningkatkan kesedaran kepentingan kawalan terhadap penyakit pekerjaan.

"Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti seiring dengan perkembangan ekonomi negara memerlukan pengurusan risiko yang berkesan dan dalam hal ini, pindaan ke atas akta berkenaan sudah memasukkan peruntukan khusus berkaitan pengurusan risiko di tempat kerja," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh 30 MAY 2024

BH
30/5

Persatuan penternak gesa semak mekanisme subsidi diesel bersasar

FLFAM bimbang pengusaha guna jana kuasa, traktor di ladang tak dapat insentif

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) meminta kerajaan menimbang semula mekanisme subsidi diesel bersasar sebelum pelaksanaannya.

FLFAM membangkitkan kebimbangan penternak menggunakan jana kuasa dan traktor di ladang yang mana tidak akan menikmati subsidi diesel.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffrey Ng, berkata sekiranya subsidi diesel bersasar dilaksanakan tanpa mengambil kira kebim-

ngan yang dihadapi petani kecil, kerajaan perlu bersedia dengan kenaikan harga barang.

Katanya, ketika ini Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) hanya diberikan kepada kenderaan pengangkutan yang layak antaranya lori rigid pertanian dan lori rigid kandang haiwan.

"Bagaimanapun pada masa sama, kebanyakan ladang ayam menggunakan peralatan jana kuasa dan traktor untuk operasi harian, namun pembelian diesel bagi alat berkenaan adalah mengikut pasaran terbuka.

"Sehubungan itu, kami berharap kerajaan dapat mempertimbangkan permasalahan dihadapi dan mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Jika tidak kami memohon harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan petani, penternak dan pengusaha

akuakultur yang layak boleh mendaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro.

Kemuka segera permohonan

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, pemilik kenderaan diesel bagi tujuan mengangkut barang perlu mengemukakan segera permohonan mendapatkan *fleet card* agar boleh terus menikmati subsidi bahan api.

Katanya ia akan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Jeffrey berkata, antara syarat layak permohonan subsidi BUDI Agri-Komoditi adalah pengusaha pertanian kecil yang aktif menjual nilai jualan hasil pertanian tahunan dari RM50,000 hingga RM300,000.

Bagaimanapun katanya, kebanyakan penternak memperoleh hasil jualan melebihi RM300,000. Oleh itu, mereka tidak layak untuk menerima subsidi.

"Pada masa sama, petani kecil turut terbeban dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), di mana penghantaran barang bagi setiap metrik tan akan dikenakan caj tambahan RM2 hingga RM3.

"Kami terpaksa menanggung kos berkenaan, namun pada masa sama perlu mengekalkan harga barangan tanpa memindahkan kos kepada pelanggan. Perkara ini sangat membebankan," katanya. Sementara itu, Yang Dipertua

Pelaksanaan subsidi diesel bersasar

Penerima BUDI Agri-Komoditi
Bantuan tunai bulanan RM200

Petani kecil
Tanaman
Akuakultur
Sawit
Getah
Koko
Lada
Kenaf

Jenis-jenis kenderaan yang layak menerima SKDS (Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi)

- Bas sekolah
- Kereta sewa
- Bas ekspres
- Teksi
- Bas henti-henti
- Van & Lori Mayat
- Bas Mini
- Bas Pengantara
- Ambulans
- Bomba
- Lori rigid (curtain sider)
- Lori catering makanan
- Lori rigid (hasil pertanian)
- Lori tangki rigid (minuman)
- Lori rigid (kandang haiwan)
- Lori rigid (kombinasi)
- Lori rigid (open platform)
- Lori rigid (perkhidmatan bergerak)
- Lori rigid (sampah)
- Van perkhidmatan bergerak
- Bas catering makanan
- Van catering makanan
- Semi (van panel)

Pekebun kecil di Semenanjung Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK)

*Pesawah dan nelayan tidak terbahagi untuk penyasaran subsidi diesel fasa pertama

Jika tidak kami memohon supaya harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna

Jeffrey Ng,
Penasihat FLFAM



Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Datuk Mohamad Abdullah, berkata "pihaknya menghargai usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban penjaja dan peniaga.

Bagaimanapun, Mohamad berkata, beliau berharap pemberian

subsidi dan bantuan itu dilaksanakan secara sistematik dan tiada mana-mana penerima yang layak akan tercicir.

"Kami berharap supaya tiada birokrasi dan mereka yang sudah mendaftar dalam PADU tidak teringgal... Jangan indah khabar daripada rupa," katanya.



KENAIKAN gaji penjawat awam, dilihat satu pendekatan yang sangat bijak dan mampu merencanakan transaksi pembelian dan jualan sekaligus membantu peniaga mikro kecil dan sederhana (PMKS).

Kenaikan gaji penjawat awam lonjakkan ekonomi

SAUDARA PENGARANG,

PENGUMUMAN kenaikan peratusan memberikan satu sinar baharu kepada penjawat awam. Ini kerana mereka merupakan salah satu agen pembangunan dan kerancakan ekonomi tempatan.

Peningkatan pendapatan isi rumah mampu menurunkan isu psikologi dan mental. Melalui pendapatan yang mencukupi, sebuah isi rumah mampu hidup dengan lebih selesa dan dijangka dapat memulihkan jarak dalam perbelanjaan keluarga yang semakin meningkat kesan daripada inflasi yang acap kali di luar kawalan.

Kenaikan gaji penjawat awam, dilihat satu pendekatan yang sangat bijak dan mampu memberikan *spill over effect* kepada ekonomi negara secara menyeluruh. Dalam mencapai ekonomi yang mampan, sesebuah institusi ekonomi memerlukan kerancakan dalam transaksi pembelian dan jualan supaya peniaga mikro kecil dan sederhana (PMKS) mempunyai platform dalam jualan.

Dengan kenaikan pendapatan isi rumah dari warga penjawat awam juga berkemampuan meningkatkan penawaran pekerjaan kesan daripada peningkatan pembelian *demand of goods* daripada pengguna. Dalam keadaan positif ini, kadar

pengangguran dalam negara akan menurun.

Walaupun bagaimanapun para peniaga tidak wajar mengambil kesempatan dalam keadaan ini dengan menaikkan harga barang dengan tidak rasional. Rakyat Malaysia haruslah matang dan menggunakan peluang ini untuk kebaikan bersama demi ekonomi jangka panjang dan bukannya mengambil kesempatan semata. Ini kerana setiap lonjakan yang didasarkan dan diharapkan mestilah mendapat sokongan dari semua institusi dan agen dalam ekonomi.

Ekonomi Madani yang berlandaskan *people centric* dilihat sangat berkesan dan bersesuaian dalam pembangunan dalam pelbagai sudut. Ketetapan kenaikan ini seharusnya diraikan bersama. Ia merupakan 'durian runtuh' dan berita gembira untuk setiap lapisan rakyat Malaysia.

Secara tuntasnya, ketetapan ini akan memberi impak yang besar dalam memacu ekonomi yang mampan. Pendekatan kerajaan dilihat sangat inklusif, menyeluruh dan saksama dengan empat institusi ekonomi negara iaitu kerajaan, institusi kewangan, swasta atau firma dan isi rumah mendapat faedah bersama.

DR. NUR SURAYYA MOHD. SAUDI
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 MAY 2024

Terpaksa kerja 74 tahun lengkapkan simpanan asas KWSP

①
UM
30/5

Oleh **HAFIZ SAIDINA DAN AIMAN ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terpaksa bekerja hampir 74 tahun bagi melengkapkan simpanan asas sebanyak RM240,000 sekiranya gaji minimum RM1,500 tidak dinaikkan.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, statistik dikeluarkan KWSP pada masa ini ialah 54 peratus daripada pencarum yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan KWSP kurang daripada RM50,000.

Beliau berkata, majoriti dari pencarum tidak akan mampu bersara dengan selesa kerana tidak dapat mengumpul simpanan asas sebanyak RM240,000.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 3..0..MAY...2024.....

Terpaksa kerja 74 tahun lengkapkan simpanan asas KWSP

UM 3/6 2

Dari muka 1

"Gaji minimum RM1,500 tidak mampu membolehkan pencarum mendapat caruman asas RM240,000. Jadi pekerja harus berusaha mendapatkan gaji yang lebih tinggi dan kadar caruman yang lebih tinggi serta dividen dari KWSP.

"Mereka perlu bekerja sehingga 74 tahun bagi melengkapkan simpanan asas KWSP agar tidak terbeban diusia tua," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu akhbar ini melaporkan, pencarum KWSP bakal menghadapi kesukaran untuk menyimpan jumlah

minimum wang persaraan selain berdepan risiko perlu bekerja lewat usia apabila sering mengeluarkan simpanan Akaun Fleksibel (Akaun 3).

Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, pengeluaran simpanan Akaun Fleksibel secara berterusan akan menyebabkan ahli sukar untuk mencapai sasaran simpanan asas.

"Pengeluaran akan meningkatkan kuasa membeli dalam kalangan ahli KWSP bagi kes- san jangka masa pendek selain mampu untuk melonjakkan perbelanjaan para pengguna

yang merupakan 61 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Namun, kita sedia maklum bahawa ramai ahli KWSP yang tidak mencapai simpanan asas iaitu RM240,000 apabila mereka bersara kelak," katanya.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Norzalina Ahmad berkata, pencarum perlu bekerja di usia 20 tahun bagi mencapai simpanan asas KWSP sebanyak RM240,000.

Beliau berkata, jika bermula bekerja pada usia 20 tahun dengan gaji minimum RM1500 den-

gan 11 peratus caruman pekerja dan 12 peratus majikan ia akan menyumbang kepada simpanan RM345 sebulan.

"Jika umur persaraan adalah 55 tahun, jumlah simpanan keseluruhan dalam lingkungan RM144,900. Akaun persaraan adalah 75 peratus dan amaunnya menjadi RM108,675 tanpa mengambilkira pelaburan semula dan kenaikan gaji.

"Namun, amaun ini masih jauh mencapai sasaran RM240,000. Walaupun pencarum boleh menambah simpanan mereka, keperluan semasa akan menyebabkan keutamaan kewangan lebih kepada perbelanjaan lain," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 MAY 2024

Ringgit dijangka mengukuh sekitar RM4.60 hingga RM4.68 minggu ini

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Ringgit dijangka mengukuh sekitar RM4.60 hingga RM4.68 minggu ini, sementara menunggu pengumuman kadar inflasi terbaharu Amerika Syarikat (AS) pada hujung minggu ini, kata penganalisis ekonomi.

Pada pukul 9 pagi semalam, mata wang tempatan naik ke paras 4.6960/6995 berbanding dolar AS daripada 4.6940/6990 pada akhir Selasa lalu, sebelum ditutup pada 4.7050/7100.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, Rizab Persekutuan (Fed) AS akan mengkaji semula pemotongan kadar faedah dalam masa yang terdekat jika data ekonomi negara itu semakin lemah.

"Ini dibayangi laporan-laporan minggu lalu yang menunjukkan Indeks Sentimen Pengguna (CSI) AS jatuh kepada 69.1 mata pada Mei 2024 daripada 77.2 mata pada bulan sebelumnya.

"Selain itu, indeks untuk keadaan ekonomi semasa dan jangkaan pengguna juga merosot, masing-masing kepada 69.6 mata (April: 79.0) dan 68.8 mata (April: 76.0)," katanya kepada



MATA wang ringgit diunjur mengukuh sementara menunggu pengumuman kadar inflasi terbaharu Amerika Syarikat. - GAMBAR HIASAN

Utusan Malaysia.

Menurut beliau, petunjuk itu jelas menunjukkan kerisauan rakyat AS akan kadar ekonominya yang semakin perlahan.

"Sekiranya data-data inflasi AS masih tinggi dan angka-angka jumlah pekerjaan baharu masih meningkat menunjukkan

ekonomi AS tidaklah perlahan, maka kemungkinan besar kadar faedahnya akan berkekalan," ujarnya.

Bagaimanapun, indeks dolar AS (DXY) masih lagi kukuh pada 104 mata, iaitu lebih tiga peratus lebih tinggi dari tempoh setahun yang lalu menunjukkan

dolar AS masih lagi boleh kembali menguat selepas keputusan Fed pada hujung minggu ini.

Dalam pada itu, katanya, Bank of England (BoE) berkeungkinan besar akan turut menurunkan kadar faedahnya tahun ini dan telah memberi isyarat bahawa pelonggaran

dasar monetari akan tiba pada musim panas ini, namun dinamik pasaran tetap berubah sepanjang masa.

"Pasaran wang memperuntukkan kira-kira 60 peratus kebarangkalian kepada BoE untuk mengurangkan kadar faedah pada Jun ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank Group, Jamie Ling ketika sidang akhbar keputusan tahun kewangan Ambank 2024 berkata, Ambank menjangkakan ringgit boleh mengukuh sekitar 4.50 hingga 4.60 pada hujung tahun ini.

"Pada ketika ini tahap pemulihan ringgit disokong oleh beberapa faktor, termasuk keseluruhan arah dasar monetari di barat, terutamanya di AS.

"Jadi, ini melibatkan perbezaan kadar faedah antara kadar dasar di barat berbanding kadar dasar di Malaysia. Kami juga percaya bahawa jurang ini akan mengecil," ujarnya.

Selain itu, prospek pertumbuhan domestik yang didorong oleh Pangkalan Data Utama (PADU) dan juga geran-geran yang berpotensi turut membantu pasaran besar dalam kumpulan B40 pada separuh kedua tahun ini yang akan menyediakan modal untuk penggunaan hingga akhir tahun.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...30 MAY 2024...